



SPM

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009  
SKEMA JAWAPAN KERTAS 2

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

Isi - 20 markah

Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

**Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20 15-17	9-10 7-9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[ Markah bahasa maksimum : 10 markah ]

**Soalan 1 :  
Rumusan**

**Pendahuluan:**

Petikan membincangkan faedah/kebaikan/kepentingan menyertai aktiviti kokurikulum dalam kalangan murid di Malaysia. [2m]

**Isi Tersurat [ Kelebihan menyertai aktiviti kokurikulum]:**

- S1 menambahkan, mengukuhkan dan mengamalkan pengetahuan, *kemahiran bernilai tambah* [1m] serta nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. [1m]  
 S2 Aktiviti kokurikulum dapat melatih pelajar dengan sikap kepimpinan dalam sesuatu kumpulan atau organisasi [2m]  
 S3 Aktiviti ini, dapat memupuk sikap berdikari dalam diri setiap pelajar [2m]  
 S4 ....memupuk semangat berpasukan dalam diri murid [2m]  
 S5 membantu pelajar supaya tidak takut berkomunikasi di khalayak ramai [2m]  
 S6 akan menjadi pelajar yang mudah mematuhi disiplin dan arahan ketua. [2m]  
 S7 akan memudahkan mereka melakukan sebarang pekerjaan kelak [2m]  
 S8 menambahkan ilmu pengetahuan tambahan  
 S9 merapatkan hubungan antara pelajar dengan guru [2m]  
 S10 boleh membentuk diri seseorang pelajar ke arah pembentukan ESQ [2m]  
 S11 melatih pelajar supaya bijak menggunakan masa lapang. [2m]  
 S12 ke arah pembentukan modal insan berkualiti tinggi [2m]  
 S13 menyemarakkan kecemerlangan diri seseorang pelajar [2m]

**Isi Tersirat | Faktor murid tidak berminat menyertai aktiviti kokurikulum]:**

- T1 menganggap aktiviti yang dijalankan hanya membuang masa dan tidak menarik. [2m]  
 T2 Aktiviti yang dijalankan tidak menarik/ membosankan murid [2m]  
 T3 Murid lebih berminat menghabiskan masa melepak atau berkumpul bersama rakan [2m]  
 T4 Ibu bapa tidak mengambil peduli sama ada anak-anak mereka menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah atau tidak. [2m]  
 T5 Masih terdapat pihak ibu bapa yang menganggap aktiviti kokurikulum tidak penting berbanding menghadiri kelas tambahan atau tuisyen. [2m]  
 T7 Waktu aktiviti dijalankan tidak sesuai [2m]  
 T8 Memerlukan kos yang tinggi untuk membeli keperluan aktiviti [2m]  
 T9 Kegagalan pihak sekolah memberikan kesedaran kepada murid akan kepentingan kegiatan kokurikulum

**Penutup [Cadangan dan kesan daripada cadangan]:**

Kesimpulannya / Tuntasnya / Konklusinya, semua pihak perlu mengambil serius tentang aktiviti kokurikulum agar negara dapat melahirkan modal insan yang cemerlang. [2m]

**Soalan 2 : Pemahaman**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**.
3. Jika disalin **bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

4. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

### Soalan 2 ( a ) Petikan Umum

(i) Berikan maksud rangkai kata *kemahiran bernilai tambah*.

[ 2 m ]

- skil/kepakaran yang boleh dipertingkatkan

(ii) Apakah kesan negatif yang akan timbul sekiranya seseorang pelajar tidak mahu menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah?

[ 3 m ]

- mempengaruhi pengurusan emosi seseorang, iaitu sukar untuk menerima sebarang tekanan atau masalah.
- menjadi seseorang yang lemah sahsiah dirinya dan kurang kreatif jika dibandingkan dengan pelajar yang aktif di sekolah.
- bersikap suka bertukar-tukar kerja akibat tidak pandai menyesuaikan diri dan kurang mempunyai kemahiran berkomunikasi.

(iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah?

[ 4 m ]

- memberikan galakan dan sokongan terhadap aktiviti yang disertai oleh anak-anak di sekolah
- menyediakan keperluan seperti pakaian seragam dan peralatan lain yang berkaitan dengan aktiviti yang disertai oleh anak-anak
- tidak hanya menumpukan kepada pencapaian akademik anak-anak semata-mata.
- ibu bapa perlu perihatin akan jadual aktiviti kokurikulum anak-anak
- memberi kegalakan kepada anak-anak dgn wafat ke aktiviti

### Soalan 2 ( b ) Petikan Drama

(i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan keadaan hidup Umar sewaktu kecil.

[ 2 markah ]

- pergi ke sekolah dengan berkaki ayam,
- berjalan di atas batas-batas sawah.
- ibunya sakit-sakit
- ayahnya pergi ke hutan bekerja balak
- kadang-kadang makan sekali sehari.
- ke sekolah dengan perut lapar,
- tak membawa wang satu sen pun...

\*\* pilih mana-mana dua isi

(ii) Faedah-faedah yang diperoleh jika seseorang bekerja di negara sendiri.

[ 3 markah ]

- dapat berbakti kepada masyarakat secara langsung
- dapat berkongsi ilmu yang dimiliki dengan masyarakat
- dekat dengan keluarga
- membantu perkembangan ekonomi negara
- dapat mengekalkan budaya sendiri
- dapat mengelakkan kebergantungan kepada tenaga kerja dari luar negara
- dapat mengelakkan pengalihan wang keluar -  
- mudah dpt baje

(iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat lain yang terdapat dalam keseluruhan drama. [ 4 markah ]

- **Satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan ialah :

- masyarakat kampung yang miskin  
contoh
  - Umar bersekolah dengan kaki ayam
  - Umar berjalan diatas batas-batas sawah
- golongan muda yang berpendidikan tinggi
  - Umar seorang mahasiswa
- masyarakat bandar yang berjawatan besar
  - Ayah Safiah pegawai tinggi dalam Kementerian Pelajaran
- pasangan kekasih yang berpandangan jauh
  - Umar dan Safiah berbincang tentang masa hadapan mereka

- **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam keseluruhan drama ialah :

- masyarakat kampung yang mementingkan semangat kejiranan.
  - Ibu Umar menghadiri kenduri potong jambul anak jiran
- masyarakat kampung yang menitikberatkan ajaran agama.
  - Ayah Umar bersembahyang zohor dahulu sebelum menghadiri majlis konvokesyen Umar yang bermula jam dua
- golongan muda yang mengamalkan gaya hidup moden.
  - Safiah memakai seluar ketat seperti sarungangka
- anak kampung yang berjiwa patriotik
  - Umar yang ingin berbakti kepada masyarakat kampung daripada bekerja di luar negara
- masyarakat bandar yang berangan-angan tinggi
  - Safiah berangan-angan untuk tinggal di luar negara
- golongan pemuda yang berpendirian tegas
  - Umar tetap dengan pendirian untuk bertugas guru di kampung walaupun dipujuk oleh Safiah.

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

i. maksud rangkai kata *memberi faedah lagi bermanfaat*

<i>memberi</i>	<i>faedah</i>	<i>lagi bermanfaat</i>
mendatangkan/membawa	Kebaikan/kesan baik/keberuntungan	dan berkelebihan

[2 m]

ii. 3 nasihat raja Damsyik kepada Sabor

- Jangan bermalam di rumah orang tua beristeri muda
- Jangan melakukan sesuatu perkara 3 kali berturut-turut/berulang-ulang
- Jika melakukan sesuatu perkara yang mengikut nafsu akan masuk neraka [3 m]

iii. Pada pendapat anda bagaimanakah caranya untuk mengelakkan diri daripada perkara yang tidak bermoral.

- Bergaul dengan golongan baik pekerti
- Mengamalkan ajaran agama
- Mendekatkan diri dengan Tuhan/ memperkukuh iman dalam diri
- Berfikiran positif/mencintai kebaikan
- Menghindari tempat-tempat maksiat  
(Pilih 3 isi) [3 m]

Soalan 2(d) : Sajak

(i) Perkara yang menjadi kenangan

- segar angin laut
- rindu pada kolek
- sisik ikan
- kulit ketam
- kepala sotong
- kaki udang
- menjaring sedikit rezeki  
(Pilih 2 isi)

- Langkah hampir tiba

- penghubung usia (1m)
- semakin tua (1m)
- hampir menemui ajal/mati (2m)

[2 m]

(ii) Cara nelayan meningkatkan taraf hidup

- mengikut kursus-kursus
- mempelbagaikan hasil laut
- melakukan kerja-kerja sampingan
- menggunakan peralatan moden
- membuat pinjaman untuk membeli peralatan moden
- menjual sendiri hasil tangkapan
- menjadi ahli koperasi  
(Pilih 4 isi)

[4 m]

Tiga  
(iii) ~~Dua~~ gaya bahasa

- inversi, contoh : segar angin laut
- simile, contoh : **bagai** buih kecil terapung di air / seperti kolek terdampar
- personifikasi, contoh: kaki udang yang bersimpati
- metafora contohnya muara pencipta  
(Pilih 3 isi)

3  
[4 m]

\*\* isi - 1 markah, contoh - 1 markah

$\frac{1}{2}$   $\frac{1}{2}$   
- Huraian tanpa isi - 0 m

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.

Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.

Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.

Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.

Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.

Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.

Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah

**3(a) Membina ayat**

- air mata

air yang keluar daripada mata akibat apabila menangis

- mata air

1. tempat air yang terbit dari tanah

2. kekasih

- orang kampung

penduduk kampung (orang yang tidak moden, masih berpegang pada kebiasaan atau tradisi lama / orang yang tinggal di kampung.

- kampung orang

kawasan kediaman di luar bandar, desa, dan dusun orang lain/ bukan kampung sendiri.

- telur ayam

benda yang mengandungi lembaga anak yang umumnya bersalutkan kulit yang keras.

- ayam telur

ayam yang ditenak khusus untuk telurnya

**3(b)** Tulis petikan di bawah ini dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

ANA: Siapa yang nak datang ke rumah kita?

1m

IBU: Peguam

1m

ANA: Eh, betul ke peguam yang hendak datang? Mengapa, Ibu?

1m

IBU: Ya, betul ! Dia datang nak membacakan surat wasiat arwah bapa kau. Nak membahagikan harta pusaka.

1m

ANA: Oh, begitu rupanya.

1m

IBU: Hah, janganlah kau tercegat lagi di situ! Tolong kemaskan rumah kita.

1m

Jumlah

6 m

**Soalan 3(c)**

Pihak kerajaan telah mengambil langkah yang pro aktif dalam usaha tangani gangguan sosial dalam kalangan remaja. Hal ini kerana semangat patriotisme dalam kalangan jenerasi muda hari ini makin terhakis dari sehari ke sehari. Diharapkan usaha yang maksima dapat dilaksanakan agar dapat capai tahap yang amat membanggakan.

[6 markah]

- (i) *pro aktif - proaktif*  
*tangani - menangani*
- (ii) *jenerasi - generasi*  
*makin - semakin*
- (iii) *Maksimal - maksimum*  
*capai - mencapai*

**3(d) Kesalahan kata atau istilah atau tatabahasa**

- (i) Budayawan Dato' Sharifah Aini banyak menghasilkan album lagu-lagu Melayu asli dan moden sehinggakan artis-artis lain sukar untuk menandingi beliau.

*Budayawan - Biduanita (istilah)*  
*lagu-lagu - lagu (bahasa)*

- (ii) Segala haiwan-haiwan di dalam hutan belantara itu pun keluar dan berhimpun di kawasan lapang untuk menyaksikan perlumbaan antara monyet dan siput di sepanjang sungai itu.

*Haiwan-haiwan - haiwan (bahasa)*  
*dan - dengan (kata)*

- (iii) Gerai itu sering pembeli kerumuni terutamanya ketika orang balik dari pejabat oleh kerana laksa asamnya sedap.

*pembeli kerumuni - dikerumuni oleh pembeli (bahasa)*  
*oleh kerana - kerana /oleh sebab (kata)*

[6 markah]

**3(e) Peribahasa**

Baca peribahasa di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan **satu** peribahasa yang sama maksud.

- (i) **Bagai mencurahkan air ke daun keladi.**  
*Bagai mencurah garam ke laut*  
*Bagai mengira bulu kambing*
- (ii) **Ke gunung sama di daki, ke lurah sama dituruni.**  
*Bagai aur dengan tebing*  
*Yang ringan dijinjing, yang berat dipikul*  
*Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah*  
*Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh*

- (iii) Sehari selembat benang lama-lama jadi kain.  
*sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit*  
*setitik dijadikan laut, sekepal dijadikan gunung*

#### Soalan 4

(Markah penuh 15 markah)

#### Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Beri **1 markah** untuk **1 nilai**
- (iv) Beri **1 markah** untuk **huraian**
- (v) Nilai tanpa huraian maksimum 2 markah
- (vi) Huraian tanpa nilai beri 0 markah
- (vii) Markah isi **maksimum 4 markah**
- (viii) Markah **bahasa maksimum 3 markah**
- (ix) Markah bahasa diberi secara 'impression'm
  - Baik = **3 markah**
  - Sederhana = **2 markah**
  - Lemah = **1 markah**
- (x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

4(b)

- (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Beri **1 markah** untuk **1 tema**
- (iv) Beri **2 markah** untuk **huraian setiap tema**
- (v) **Huraian secara umum** beri **1 markah**
- (vi) Huraian tanpa tema beri 0 markah
- (vii) Markah isi **maksimum 6 markah**
- (viii) Markah **bahasa maksimum 2 markah**
- (ix) Markah bahasa diberi secara 'impression'
  - Baik = **2 markah**
  - Lemah = **1 markah**
- (x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan  
4(a) ~~Pada pendapat anda sejauh manakah~~ biodata pengarang mempengaruhi  
cara penulisannya.

[7 markah]

Kaitkan biodata pengarang dengan aspek penulisannya.

**BUKIT KEPONG (Panduan Guru)**

Nama : Ismail Johari  
Latar Pendidikan : Pendidikan awal di Tanjung Karang dan Kelang  
Pendidikan Tertinggi di Amerika ( Sarjana bidang Sistem Keadilan  
Jenayah)  
Pekerjaan : Bertugas di Bahagian Perhubungan Awam Polis diRaja  
Bertanggungjawab mengumpul data dan mengkaji semula sejarah  
Bukit Kepong  
Kejayaan : Menghasilkan skrip Bukit Kepong dan menulis novel Bukit  
Kepong.

Jawapan:

- i. Ismail Johari lahir di kampung. Oleh itu beliau boleh menggambarkan dengan baik suasana dan budaya kampung seperti kampung Keladi, Kulim.
- ii. Beliau berpengalaman sebagai anggota polis, lantaran itu beliau dapat menggambarkan peristiwa serangan komunis di rumah pasung Bukit Kepong dengan begitu berkesan.
- iii. Kerjaya beliau dalam bidang kepolisian membuatkan beliau mahir berkaitan dengan istilah kepolisan, persenjataan, pangkat, arahan dan lain-lain yang berkaitan dengan tugas polis.
- iv. Beliau ditugaskan mengkaji peristiwa Bukit Kepong. Beliau dapat menceritakan watak perwatakan, latar, dan suasana dengan terperinci seperti watak Uthman, Yusof Rono dll.
- v. Beliau pernah menjadi pensyarah di Maktab Polis Diraja. Oleh yang demikian, beliau menggunakan kaedah kajian untuk menghasilkan karya berbentuk sejarah

**KONSERTO TERAKHIR (Panduan Guru)**

Nama : Abdullah Hussain  
Latar Pendidikan : Pendidikan awal - Sekolah Melayu Sungai Limau dan pendidikan  
Inggeris di Anglo-Chinese School, Alor Setar  
Pekerjaan : Penolong Pengarah Akhbar Saudara, Pengarah Bahasa Kanan  
(Di Brunei)  
Kejayaan : Menghasilkan banyak skrip drama pentas dan TV  
Kejayaan : Menerima anugerah SEA Write Award, Ahli Mangku Negara  
(AMN),

Jawapan:

- i. Abdullah Hussain berasal dari kampung di Kedah dan berhijrah ke bandar. Oleh itu beliau memulakan cerita dengan watak utama yang datang dari sebuah kampung di Kedah / sama dengan watak utama Hilmi.
- ii. Penulis merupakan seorang yang sangat meminati bidang seni. Oleh itu tidak mustahil karyanya memaparkan isu yang berkaitan bidang seni juga.

- iii. Semasa muda Abdullah Hussain pernah bekerja sebagai buruh. Dalam novel *Konserto terakhir* beliau berjaya menggambarkan pekerjaan buruh yang dilakukan oleh Hilmi dengan baik.
- iv. Abdullah Hussain pernah belajar di sekolah latihan pegawai tinggi, beliau mampu menghidupkan suasana kehidupan datuk Johari yang berstatus tinggi ala kebaratan.

v.

(b) Terdapat pelbagai teknik plot yang digunakan dalam sesebuah novel.

Berdasarkan ~~sebuah~~ <sup>dua buah</sup> novel yang anda pelajari, huraikan ~~dua~~ <sup>satu</sup> teknik plot.

[ 8 markah ]

#### Soalan 4 (a) Teknik plot

##### BUKIT KEPONG:

- Teknik Dialog  
Contoh : Perbualan Pon Khalid dengan suaminya Awang Ali  
Perbualan atau dialog Othman dengan ibunya tentang hasratnya untuk menjadi anggota polis.
- Teknik monolog  
Contoh: Othman bercakap sendirian ketika melihat berapa bilah buluh yang dicacahkan ke tanah
- Teknik suspen  
Contoh : Peristiwa yang menimbulkan suspen kepada pembaca iaitu peristiwa penganas komunis menyerang Rumah Pasung Bukit Kepong .Pembaca akan tertanya-tanya sama ada anggota polis mampu atau gagal mempertahankan rumah pasung.
- Teknik kejutan  
Contoh: Pembaca terkejut kerana tidak menduga bahawa Limah yang lemah lembut dan pandai mengaji itu menjadi gila kerana terkejut apabila diberitahu bahawa suaminya terbunuh.

##### KONSERTO TERAKHIR:

##### 4(a) Teknik plot:

- *Teknik dialog*  
Contoh: Apabila Datin Salmah agak meninggikan suara ketika berbual tentang Hilmi yang hanya berkelulusan darjah empat sekolah Melayu.
- *Teknik monolog*  
Contoh: Monolog yang diucapkan oleh Datin Salmah ketika dia bertanya kepada Hilmi usaha yang dilakukannya sehingga boleh mencari rumahnya sedangkan Hilmi baru pertama kali pergi ke situ.
- *Teknik saspens*

Contoh: Ketika pengarah persembahan tertunggu-tunggu kehadiran Hilmi untuk memimpin persembahan Orkestra Perdana yang dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong dan pemimpin negara.

- *Teknik kejutan*

Contoh: Peristiwa Pak Long Karim memberitahu Datuk Johari bahawa Hilmi ialah anak kandungnya. Berita ini amat mengejutkan pembaca.

(Pilih 2 isi )

[ 7 m ]

TAMAT

- Teknik imbas kembali
- Teknik imbas muka
- Teknik perihalan/pemeneraan
- Teknik naratlog dalaman